



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/06/40 (HQ)

TIP PENGGUNAAN ELEKTRIK SEBELUM BALIK BERAYA

Ada beberapa tip penggunaan elektrik yang praktikal dan bijak tenaga, yang boleh dilakukan oleh mereka yang merancang untuk meninggalkan kediaman masing-masing untuk pulang ke kampung halaman sempena Aidilfitri.

TNB ingin berkongsi beberapa panduan mudah, yang boleh dilakukan bagi memastikan peralatan elektrik di rumah, berada dalam keadaan baik dan selamat.

Berikut adalah beberapa tip yang boleh diamalkan:

- i. Tutup suis peralatan elektrik yang tidak digunakan dan tanggalkan palam bagi mengelakkan arus elektrik terus mengalir;
- ii. Pertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (timer) supaya lampu tidak dipasang 24 jam sehari (untuk keselamatan / mengelakkan kecurian);
- iii. Pastikan semua soket dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (adapter) berlebihan;
- iv. Pastikan peralatan elektrik yang perlu dipasang dalam keadaan baik dan motor di dalam peralatan elektrik bermotor, berfungsi dengan lancar;
- v. Buka gulungan wayar sambungan tambahan (extension wire) sepenuhnya untuk mengelakkannya menjadi terlalu panas jika digunakan; dan
- vi. Uji Pemutus Litar Arus Baki (PLAB) atau Residual Current Circuit Breaker (RCCB), sebaik-baiknya sebulan sekali. Rujuk laman web www.tnb.com.my atau Facebook TNB CareLine untuk mengetahui cara-cara menguji PLAB.

Para pengguna dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik pada Syawal nanti.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Jun 2018, jam 10.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617
atau E-mel ke media@tnb.com.my*